

# Kerajaan pimpinan Abdullah perlu masa capai sasaran – Najib

RAUB 25 Jan. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memerlukan tempoh tertentu untuk mencapai sasaran dan matlamat yang ditetapkan.

Najib berkata, semua anggota pentadbiran Abdullah menerima dengan baik hasrat Perdana Menteri untuk menerajui negara mengikut perancangan pembangunan yang telah dibuat.

“Perdana Menteri telah melahirkan hasratnya untuk memimpin kita dan kita terima dengan baik. Kita tahu bahawa dari segi perancangan, pembangunan kerajaan dalam tempoh lima tahun adalah satu

tempoh yang singkat,” katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas majlis ramah mesra bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Cheroh di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri mengulas temu ramah Abdullah dengan stesen televisyen Perbadanan Siaran British (BBC) yang disiarkan semalam.

Dalam wawancara itu, Perdana Menteri melahirkan hasrat menerajui Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang dan terus memimpin negara.

Menurut Abdullah, kerajaan perlu me-

Utm - 26/1/2007  
netapkan jangka masa tertentu untuk memastikan program pembangunan yang dirancang berjalan dengan berkesan.

Dalam pada itu, Najib berkata, kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana kumpulan militan termasuk kumpulan Abu Sayyaf dari Filipina yang cuba menyusup masuk ke negara ini.

Katanya, kumpulan-kumpulan penganjur keganasan yang cuba melarikan diri ke negara ini akan ditahan dan dikenakan tindakan sewajarnya.

“Kita memang bertegas dalam soal ini. Kalau kita dapat tahu ada kumpulan asing atau kumpulan yang bersifat militan atau ekstremis dalam erti kata menggunakan

kekerasan, kita tidak akan berkompromi,” katanya.

Ditanya sama ada Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo memohon secara rasmi kepada kerajaan Malaysia supaya bertindak ke atas kumpulan Abu Sayyaf, beliau memberitahu: “Tidak payah permintaan secara rasmi. Kalau kita tahu ada anggota Abu Sayyaf masuk ke negara ini, kita akan cekup mereka.”

Mengulas serangan terbaru di wilayah selatan Thailand yang menyebabkan tiga orang maut semalam, Najib menasihatkan rakyat Malaysia yang merancang melancong ke selatan negara itu perlu berfikir dua kali sebelum pergi ke sana.